

06 MAY 1996

Rancangan - Cabaran

CABARAN MASA DEPAN MALAYSIA DIKENAL PASTI DALAM RM7

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000) telah mengenal pasti beberapa cabaran dalam tahun-tahun akan datang yang perlu dihadapi semasa negara meneruskan proses peralihan ke arah menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Teras pembangunan utama rancangan tersebut yang dibentang oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen di sini hari ini adalah untuk meningkatkan pertumbuhan potensi keluaran, memesatkan peralihan struktur dan pembangunan yang seimbang.

Menurut Rancangan itu, tempoh lima tahun akan datang merupakan satu fasa penting bagi negara ini mengorak arah dan merangka strategi bagi memenuhi cabaran masa depan, termasuk menyediakan tenaga kerja mahir yang mencukupi, menggalakkan peningkatan modal dan mewujudkan budaya yang lebih berorientasikan teknologi bagi melaksanakan perubahan struktur ke arah mewujudkan ekonomi yang menumpukan kepada daya pengeluaran serta melaksanakan operasi di peringkat sedunia.

"Pencapaian strategi-strategi ini akan mempertingkatkan pembangunan negara, membuka peluang-peluang baru dan menjadikan ekonomi lebih mapan dan dinamik," katanya.

Ini akan membolehkan kerajaan mencapai objektif pertumbuhan seimbang selaras dengan matlamat utama mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih adil dan bersatu padu di bawah Dasar Pembangunan Nasional.

Rancangan itu mengenalpasti cabaran-cabaran yang akan dihadapi dalam tahun-tahun akan datang seperti usaha mengekalkan kestabilan makroekonomi, mengambil langkah membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, melaksanakan pertumbuhan yang menumpukan daya pengeluaran, meningkatkan daya persaingan dan menyediakan asas perindustrian untuk masa depan dan menggalakkan pengembangan sumber tenaga.

Cabaran-cabaran lain adalah menggalakkan pembangunan teknologi maklumat, memesatkan proses perindustrian, menentukan pembangunan yang terus kekal, memperbaiki mutu hidup, mengatasi masalah sosial, menyemai nilai-nilai moral dan etika dan menentukan corak perubahan pentadbiran dalam sektor awam.

Antara yang diutamakan dalam rancangan itu ialah memesatkan perubahan ekonomi daripada pertumbuhan yang didorong oleh pelaburan kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan kualiti melalui kecekapan faktor buruh dan modal serta produktiviti faktor keseluruhan (TFP) dengan meningkatkan kemahiran, memperluaskan modal di samping memajukan pengurusan dan keusahawanan.

Rancangan itu juga berusaha mempertingkatkan peralihan kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi yang menjimatkan penggunaan buruh serta menggunakan proses pengeluaran berintensif modal dan teknologi yang memerlukan penyelarasan dasar dan program pembangunan sumber tenaga manusia dan teknologi serta usaha yang gigih untuk menerokai bidang pembangunan yang baru.

Ia juga akan berusaha menguruskan pertumbuhan yang kukuh dengan jayanya di samping mengekalkan kestabilan harga dan imbalan akaun luar negara bagi memastikan pencapaian pertumbuhan mapan dalam jangka sederhana dan panjang.

Rancangan itu juga berhasrat menggalakkan pendekatan sejagat kepada perindustrian untuk membolehkan syarikat-syarikat menceburi operasi berskala besar supaya faedah daripada ekonomi bidangan dapat diperolehi melalui peningkatan kapasiti pengeluaran untuk dieksport ke pasaran dunia.

Ia juga akan menggalakkan proses pengeluaran yang lebih bersepadu melalui pengukuhan rantai antara industri, terutama dengan meningkatkan pengeluaran barangan modal dan perantaraan terpilih untuk mengurangkan pergantungan terhadap import serta diperluaskan bagi pasaran eksport.

Rancangan itu juga akan meningkatkan daya saingan dalam menghadapi globalisasi yang lebih luas, kemajuan teknologi serta perubahan pilihan pasaran yang memerlukan negara memperkuat asas daya saingan, memperkukuhkan infrastruktur, memperluaskan jalinan global serta mengekalkan persekitaran yang sesuai bagi inisiatif sektor swasta.

Ia akan membangunkan sektor perkhidmatan yang moden, dinamik dan berorientasi terbuka bagi membolehkannya bukan sahaja menjadi pemangkin utama pertumbuhan tetapi juga berpotensi untuk dieksport dalam perdagangan antarabangsa.

Dalam bidang sains dan teknologi, rancangan itu akan memperkukuhkan sektor itu dan meningkatkan penyelidikan dan pembangunan untuk menggunakan sepenuhnya keupayaan teknologi negara serta memajukan teknologi maklumat bagi membolehkan negara beralih daripada hanya sebagai pengguna produk multimedia kepada pembekal dan pemaju IT.

Rancangan itu juga akan memastikan pembangunan mampan bukan sahaja melalui kesedaran yang lebih tinggi terhadap pemeliharaan alam sekitar tetapi juga menekankan pertimbangan yang bersepadu mengenai alam sekitar dalam proses pembangunan ekonomi dan sosial.

Rancangan itu menekankan usaha yang lebih gigih ke arah pengagihan pertambahan pendapatan dan kekayaan negara dengan saksama bertujuan mengekalkan kestabilan sosio-ekonomi yang berterusan serta mempercepatkan penyusunan semua masyarakat.

Ia juga berusaha menangani masalah sosial yang semakin meningkat berikutan daripada pertumbuhan yang pesat bagi memastikan ianya tidak melemahkan moral dan etika masyarakat terutamanya di kalangan golongan muda dan generasi masa depan. -- BERNAMA

SHY/LKC SS OS